

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Anak-anak merupakan harta yang sangat berharga dan harus dibentuk sebaik mungkin agar menjadi individu yang berguna pada masa depan.<sup>1</sup> Kelahiran anak-anak bagi pasangan suami isteri merupakan tanggungjawab yang harus dipikul dengan penuh amanah agar mampu melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Zaman kanak-kanak abad ini adalah sangat berbeza dengan kanak-kanak zaman dahulu.<sup>2</sup> Kanak-kanak zaman dahulu semuanya membesar di depan mata ibu bapa. Namun kini, situasi tersebut telah jauh berbeza. Kanak-kanak ditinggalkan di rumah asuhan dan pusat asuhan kanak-kanak lantaran ibu bapa yang seharian sibuk bekerja.<sup>3</sup> Maka wujudlah cabaran-cabaran baru kepada ibu bapa dalam membesarkan dan mendidik anak-anak pada zaman perkembangan teknologi maklumat ini.<sup>4</sup>

Peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah sangat besar dalam proses pembelajaran dan pendidikan kepada mereka.<sup>5</sup> Di peringkat ini, kanak-kanak mudah dilentur kerana hati mereka masih bersih dan mudah dibentuk. Oleh itu, adalah amat penting bagi ibu bapa untuk mengenalkan anak-anak kepada tuhan dan proses yang paling mudah ialah melalui pendidikan dan proses pengajaran dan pembelajaran semenjak awal kanak-kanak lagi.<sup>6</sup> Kesibukan ibu bapa bekerja tidak

---

<sup>1</sup> Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-Anak* (Selangor Darul Ehsan: Alam Pintar Enterprise, 2003), 10.

<sup>2</sup> Ahmad Syukri Ahmad Naim, Amran Md. Rasli, *Pengurusan Teknologi* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Mara, 2005), 165.

<sup>3</sup> Mohd Sharani Ahmad Zainal Madon, *Tip Pandai Belajar* (Kuala Lumpur: PTS Millennia, 2006), 89.

<sup>4</sup> Noraini Ahmad, *Kaunseling kekeluargaan dan menangani isu-isu keibu bapaan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003), 47.

<sup>5</sup> Nor Raudah Haji Siren, Yusmini Mohd Yusoff ed., *Dakwah Islam Semasa* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 88.

<sup>6</sup> Nor Raudah Haji Siren, Yusmini Mohd Yusoff ed., *Dakwah Islam Semasa*, 88

menggugurkan tanggungjawab untuk mendidik anak-anak mereka menjadi anak-anak yang mengenal pencipta. Seperti maksud firman Allah:

*“Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan -Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan Segala Yang diperintahkan”*

Surah al-Tahrim 66:6

Melalui ayat ini boleh kita fahami bahawa setiap orang mukmin bertanggungjawab memelihara dan menjaga keluarga daripada dimasukkan ke dalam api neraka. Justeru, anak-anak yang dilahirkan boleh diumpamakan seperti kain putih, ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk mencorakkan anak-anak kepada warna-warna yang diinginkan. Jika Islam menjadi pilihan hati mereka maka terwarnalah anak-anak mereka mengikut ajaran Islam yang sebenar. Islam merupakan agama yang lengkap dan sempurna untuk diamalkan sepanjang masa dan zaman.<sup>7</sup> Sesungguhnya Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas dalam mendidik anak-anak bermula dari memilih pasangan hinggalah proses membesarkan anak sehingga dewasa.

Suasana persekitaran dalam proses membesarkan anak-anak tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi proses pembesaran dan pendidikan mereka.<sup>8</sup> Jika berlaku keadaan seperti herdikan, penderaan atau pendedahan kepada suasana hidup yang tidak sihat akan mengakibatkan anak-anak tidak memperolehi asas pemikiran yang stabil dan kukuh.<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> Syed Mahadhir Syed Ibrahim, *Pendidikan Anak-anak Tuntutan dan Tanggungjawab* (Selangor: PCT Sdn Bhd, 2003), 104.

<sup>8</sup> Hassan Haji Muhammad Ali, *Anak Kita Memang Pintar Cerdas* (Kuala Lumpur: PTS Millennia, 2005), 127.

<sup>9</sup> *Ibid.*

Justeru, pemilihan prasekolah juga adalah sangat penting kepada kanak-kanak sebagai landasan persekitaran pertama sebelum mereka memasuki alam persekolahan yang sebenar.<sup>10</sup> Sesungguhnya pendidikan prasekolah dalam Islam telah wujud pada zaman Rasulullah s.a.w dan telah diajar dalam bentuk bulatan iaitu para pelajar duduk mengelilingi guru mereka dalam halaqah ataupun bulatan.<sup>11</sup> Sejarah juga telah mencatatkan bahawa, prasekolah yang wujud secara sistematik dan formal telah ditubuhkan pada zaman khalifah Umar al-Khattab yang mana pada zaman itu merupakan zaman yang disebut sebagai *The Golden Age*. Beliau telah mengembangkan lagi prasekolah dalam Islam dan disebut sebagai *kuttab* (pendidikan prasekolah) dan kebanyakan *kuttab* ini berpusat di masjid dan terdapat juga *kuttab* yang mempunyai bangunan sendiri.<sup>12</sup> Bentuk pendidikan yang ditekankan ialah membaca dan menulis khususnya membaca dan menghafaz al-Quran serta tidak ketinggalan juga pendidikan jasmani seperti berenang dan memanah. Maka daripada sejarah *kuttab* inilah menunjukkan bahawa prasekolah Islam telah lama wujud dalam dunia Islam.<sup>13</sup>

Kini, pendidikan prasekolah di Malaysia sangat pesat berkembang. Institusi ini saling bersaing membina modul-modul pendidikan prasekolah dengan pelbagai acuan, sama ada acuan pendidikan barat, acuan pendidikan Islam atau acuan pendidikan secara bersepadu. Antara istilah yang dirujuk untuk bentuk pendidikan awal kanak-kanak ialah Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA), Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA), *Kindergarden*, Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKA/TASKI), Prasekolah dan sebagainya.

---

<sup>10</sup> Sufean bin Hussin, *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan* (Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2005), 31.

<sup>11</sup> Ahmad Syarifuddin, *Mendidik Anak Membaca, menulis dan mencintai al-Quran*. (Jakarta: Gema Insani, 2008), 71.

<sup>12</sup> M. Alawi Al-Malik, *Prinsip Pendidikan Rasulullah Saw*. (Jakarta: Gema Insani, 2002), 37.

<sup>13</sup> Ahmad Syarifuddin, *Mendidik Anak Membaca, menulis dan mencintai al-Quran*. 72.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Penekanan pendidikan secara umum ataupun Pendidikan Islam khususnya sejak kecil kepada kanak-kanak adalah sangat penting kerana tanpa penerapan ini, dikhuatiri akan menyebabkan mereka terpengaruh dengan cara hidup yang bertentangan dengan Islam. Seperti kata pepatah Melayu melentur buluh biarlah dari rebungunya. Justeru Pendidikan Islam haruslah diterapkan dan didedahkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi untuk melahirkan masyarakat muslim yang berkualiti. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*“Hak anak yang harus ditunaikan oleh orang tuanya ialah memilih nama yang baik, mengajar menulis dan menikahkannya apabila dewasa”<sup>14</sup>*

Jelaslah bahawa, anak merupakan amanah dan tanggungjawab agama. Salah satu peranan terpenting di dalam kehidupan ibu bapa adalah dengan menjaga amanah Allah SWT dengan sebaiknya. Selain itu, anak-anak juga berhak mendapat perhatian dan memperolehi kasih sayang dari ibu bapanya.<sup>15</sup>

Memang menjadi satu persoalan, bentuk bagaimanakah pendidikan yang sesuai untuk diberikan kepada anak-anak memandangkan terdapat pelbagai lambakan institusi pendidikan khususnya prasekolah di Malaysia. Allah telah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:

*Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan rasul-Nya Telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. dan barangsiapa mendurhakai Allah dan rasul-Nya Maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata.*

Surah Al-Ahzab 33: 36

Ibnu Katsir juga menegaskan, ayat ini berlaku untuk seluruh perkara. Apabila Allah SWT dan Rasul-Nya SAW telah memutuskan tentang sesuatu, maka tidak ada

---

<sup>14</sup> Riwāyāt Dailāmī dan Abu Nuaim dari Abi Harairah r.a. lihat kitab al-targhib wa at-tarhib 1:259 no 568.

<sup>15</sup> Syed Mahadhir Syed Ibrahim, *Pendidikan Anak-anak Tuntutan dan Tanggungjawab*,98

seorang pun yang boleh menyalahinya. Dalam hal ini, tidak ada pilihan, baik dalam pendapat mahupun ucapan.<sup>16</sup> Dalam konteks ibu bapa pula, mereka dituntut untuk mendidik anak-anak melalui proses tarbiyah Islamiyah sama ada dari segi *manhaj* (jalan yang terang), *ghoyah* (matlamat), *hadaf* (tujuan/ objektif) serta *natijahnya* (kesannya).<sup>17</sup> Proses ini adalah sangat penting untuk mewujudkan generasi umat yang memahami dan mengamalkan Islam pada masa depan.<sup>18</sup>

Oleh itu, pemilihan prasekolah yang menekankan proses tersebut perlulah dikenalpasti supaya mampu melahirkan generasi Islam yang berkualiti dan kompeten sebagai pemimpin Islam pada masa hadapan. Tambahan lagi, institusi pendidikan awal kanak-kanak semakin berkembang pesat di Malaysia dan menjadi pilihan ibu bapa yang berkerjaya sebagai tempat untuk anak-anak mereka belajar dan bermesra sebelum melangkah ke alam persekolahan yang sebenar. Bertitik tolak dari permintaan yang semakin tinggi di kalangan ibu bapa terhadap pusat pendidikan awal kanak-kanak, maka wujudlah institusi pendidikan seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. pelbagai pusat pendidikan telah ditubuhkan sama ada yang bernaung di bawah kerajaan, NGO swasta mahupun persendirian.

Salah satu prasekolah yang menitikberatkan tentang penerapan unsur-unsur Islam dalam modul kurikulumnya ialah Pusat Asuhan Tunas Islam Malaysia ataupun ringkasnya PASTI.<sup>19</sup> PASTI telah menerapkan konsep *taabud* sebagai asas kepada kurikulumnya dan mendasar dalam setiap aktiviti pembelajaran mereka bermula dari aspek perkembangan agama kanak-kanak hinggalah kepada aspek perkembangan

---

<sup>16</sup> Al-Hafiz Ibnu Katsir Dicapai pada 29 Disember 2013 [http://www.islam-universe.com/tafsir\\_ibn\\_kathir/33.41638.html](http://www.islam-universe.com/tafsir_ibn_kathir/33.41638.html),

<sup>17</sup> Syed Mahadhir Syed Ibrahim, *Pendidikan Anak-anak Tuntutan dan Tanggungjawab*, 97.

<sup>18</sup> Jaudah Muhammad Awwad, *Mendidik Anak Secara Islam* (Jakarta: Darul Fadilah, 1995), 5.

<sup>19</sup> Draf kurikulum PASTI 4 tahun.

fizikal mereka. Konsep *taabud* ini telah diterapkan secara mendalam dan konsistem dalam setiap aktiviti yang dijalankan di PASTI.<sup>20</sup>

Graf 1.1 menunjukkan bilangan pelajar PASTI dari tahun 2007 sehingga 2011




Sumber: PASTI Malaysia

Berdasarkan Graf 1.1 di atas dapat dilihat bahawa PASTI mengalami peningkatan pelajar pada setiap tahun bermula pada tahun 2007 sehingga 2011. Pada tahun 2011, PASTI mempunyai seramai 69462 orang murid di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak berbanding pada tahun 2007 dengan hanya 58381 orang murid. Begitu juga pada tahun 2008 seramai 60536 orang murid, manakala pada tahun 2009 seramai 63556 orang murid berdaftar dan pada tahun 2010 seramai 66999 orang murid telah mendaftar di PASTI seluruh negara. Persoalannya, adakah peningkatan ini disebabkan oleh modul kurikulum yang diamalkan di PASTI menekankan pendekatan Pendidikan Islam yang berbeza dengan modul kurikulum prasekolah lain atau disebabkan oleh faktor-faktor sampingan yang telah menarik

<sup>20</sup> Pn. Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia 4 Tahun (K4T)), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2011.

perhatian ibu bapa untuk memilih PASTI. Hal ini juga mungkin sekaligus menyumbang kepada peningkatan bilangan PASTI di seluruh negara.

Graf 1.2 menunjukkan bilangan prasekolah PASTI dari tahun 2007 sehingga 2011



Sumber: PASTI Malaysia.

Berdasarkan Graf 1.2, pada tahun 2007, PASTI hanya mempunyai sebanyak 1529 buah pusat sahaja tetapi meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan kepada 1579 PASTI, manakala pada tahun 2009 meningkat kepada 1641 buah, seterusnya pada tahun 2010 meningkat kepada 1676 dan pada tahun 2011 meningkat kepada 1728 buah. Peningkatan pusat prasekolah PASTI ini menunjukkan bahawa PASTI semakin diterima baik oleh masyarakat dan menjadi antara prasekolah pilihan di Malaysia. Ini terbukti dengan peningkatan yang ketara saban tahun dan mendapat respon yang positif dari ibu bapa.<sup>21</sup>

<sup>21</sup> Pn. Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia 4 Tahun (K4T)), dalam temu bual dengan penulis, 18 Mei 2011.

Pada masa kini, prasekolah menjadi institusi yang penting dalam masyarakat. Ia bukan sahaja memenuhi keperluan ibu bapa yang sibuk bekerja dan tidak mampu memikul sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak-anak dalam keluarga, bahkan memenuhi keperluan untuk mendidik dan membentuk kanak-kanak, mengembangkan potensi dan kebolehan mereka seawal mungkin supaya mencapai kecemerlangan yang maksimum.<sup>22</sup>

Pendidikan untuk anak-anak bermula daripada saat kelahiran hingga umur lapan tahun.<sup>23</sup> Pendidikan yang terlibat ialah pendidikan untuk bayi (*infant*), untuk kanak-kanak yang baru boleh bertatih (*toddlers*), untuk sekolah asuhan kanak-kanak (*nursery school*), untuk asuhan kanak-kanak (*child care*) dan program prasekolah termasuk *kindergarden* dan peringkat sekolah rendah. Terdapat juga pendapat yang mengatakan pendidikan awal kanak-kanak merujuk kepada program pendidikan untuk program pendidikan di bawah umur enam tahun.

Pendidikan adalah sangat penting dalam kehidupan seseorang muslim. Pembinaan bangsa dan tamadun juga bermula dengan pendidikan.<sup>24</sup> Justeru pendidikan sejak kecil haruslah ditekankan kerana agama Islam sendiri sangat menekankan pendidikan. Firman Allah yang bermaksud:

*Dan dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, Kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang benar orang-orang yang benar! Mereka menjawab: "Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang Telah Engkau ajarkan kepada Kami; Sesungguhnya Engkaulah yang Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana. Allah berfirman: "Hai Adam, beritahukanlah kepada mereka nama-nama benda ini." Maka setelah diberitahukannya kepada mereka nama-nama benda itu, Allah berfirman: "Bukankah sudah Ku katakan kepadamu, bahwa Sesungguhnya Aku mengetahui*

---

<sup>22</sup> Mazidah Muhamad, Noor Hisham MD Naw, *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam* ( Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd, 2011), 39.

<sup>23</sup> Azizah Lebai Nordin, *Pendidikan Awal kanak-kanak Teori Dan Amali*.(Kuala Lumpur:Universiti Malaya 2002), 5.

<sup>24</sup> Mazidah Muhamad, Noor Hisham MD Naw, *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam*, 1.



*rahasia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan?"*

Surah al-Baqarah 2:31-33

Ayat *الاسماء كلها* memberi beberapa implikasi penting dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Hasan Langgulung (al-Asma') itu tidak bermakna Asmaul Husna ataupun nama-nama malaikat sebagaimana menurut sesetengah ahli tafsir. Ia merujuk kepada benda-benda yang bernama (musammayat) ataupun alam sejagat. Disebabkan malaikat tidak sanggup menyebutnya dan nabi Adam sanggup, manusia berhak menjadi khalifah. Ini menunjukkan status khalifah berkait rapat dengan kelebihan ilmu yang dimiliki oleh manusia.<sup>25</sup> Ini bermakna tugas terawal pendidikan adalah memperkenalkan nama-nama yang paling dekat dengan kehidupan mereka sebagai persiapan menjadi khalifah di muka bumi.

Justeru daripada kesedaran tentang kepentingan ilmu yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak khususnya, telah menggalakkan perkembangan Institusi Pendidikan Prasekolah di Malaysia. Prasekolah yang berkaitan dengan pendidikan Islam juga turut diperkenalkan oleh pelbagai institusi pendidikan sama ada oleh badan kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan persendirian sebagai mengisi keperluan masyarakat masa kini.

Persoalannya sejauh manakah modul-modul yang dibangunkan mampu memenuhi keinginan ibu bapa yang mahu anak-anak dididik secara sempurna sejak dari peringkat awal pembesaran lagi. Hal ini berikutan ibu bapa yang sanggup mengeluarkan sejumlah kos tertentu untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan terbaik sejak dari awal lagi. Malahan, bukan sahaja untuk menyediakan diri anak-anak untuk menghadapi persekolahan yang sebenar, tetapi juga untuk

---

<sup>25</sup> Mazidah Muhamad, Noor Hisham MD Nawi, *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam*, 4.

mendidik anak-anak seawal mungkin mengenal Islam dan mengamalkannya seawal usia mereka.

Sesungguhnya Islam melihat anak-anak sebagai anugerah yang dilahirkan putih bersih dan mempunyai potensi yang cukup besar untuk dikembangkan. Ibu bapalah yang bertanggungjawab membentuk anak-anak berdasarkan acuan yang telah disediakan dengan baik oleh Islam.<sup>26</sup> Pendidikan Islam (pengajaran dan pembelajaran) anak-anak sewaktu mereka masih kecil adalah amat penting dalam mempengaruhi perkembangan dan pembesaran anak-anak.<sup>27</sup> Pendidikan Islam pada usia begini sangat mempengaruhi perkembangan dalaman mereka (roh, pemikiran dan perasaan). Oleh yang demikian pendidikan yang salah akan memberi kesan kepada perkembangan dalaman kanak-kanak. Maka, ibu bapa bukan sahaja harus memberi perhatian ke atas perkembangan fizikal anak-anak sebaliknya mereka juga harus memberi perhatian ke atas perkembangan dalaman anak-anak, khususnya penyuburan dan pengukuhan iman.<sup>28</sup>

Kanak-kanak secara psikologinya suka bermain dan belajar melalui interaksi dengan bahan atau media tertentu.<sup>29</sup> Proses pendidikan akan mencapai matlamat apabila melibatkan deria atau bahan yang melibatkan media yang maujud dan asli. Bahan-bahan atau media yang digunakan ini perlu dibawa berhampiran dengan kanak-kanak. Perkembangan kanak-kanak secara semula jadi berlaku melalui pemerhatian langsung terhadap media yang dipaparkan. Kurikulum yang mengandungi aktiviti berdasarkan pengalaman deria kanak-kanak akan membenarkan deria kanak-kanak meneroka objek, memahami sifat objek dan

---

<sup>26</sup> Mazidah Muhamad, Noor Hisham MD Nawi, *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam*, 40.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-Anak* (Selangor Darul Ehsan: Alam Pintar Enterprise, 2003), 195.

<sup>29</sup> Ibrahim Amini, *Agar Tak Salah Mendidik* (Jakarta: AL-HUDA, 2006), 394.

menilai perbezaan objek secara semula jadi dan membantu mengembangkan kebolehan semula jadi mereka.<sup>30</sup>

Lantaran itu, kajian ini akan melihat perkembangan pendidikan awal kanak-kanak yang menggunakan modul Islam di PASTI Ummu Aiman sebagai asas pendidikan mereka berdasarkan beberapa persoalan yang timbul.

- i. Apakah jenis-jenis media pendidikan yang sesuai diaplikasikan kepada awal kanak-kanak?
- ii. Apakah bentuk media yang digunakan sebagai alat komunikasi untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap awal kanak-kanak?
- iii. Adakah pelaksanaan modul dan penggunaan media pengajaran mampu meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap Islam dan mampu membentuk akhlak mereka?

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengenalpasti jenis-jenis media pendidikan Islam yang sesuai diaplikasikan kepada kanak-kanak.
- ii. Mengkaji modul dan pelaksanaan penggunaan media dalam Pendidikan Islam di PASTI Ummu Aiman.
- iii. Menganalisis pelaksanaan penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran di PASTI Ummu Aiman.

### **1.4 PENGERTIAN TAJUK**

Dalam kajian ini terdapat tiga istilah daripada tajuk disertasi ini yang diberikan perhatian utama oleh penyelidik iaitu istilah “media”, “ Pendidikan Islam” dan

---

<sup>30</sup> Choong Lean Keow, *Murid dan Alam Belajar* ( Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2010), 29.

“Awal kanak-kanak”. Pertama bagi istilah “media” menurut Kamus Dewan edisi ketiga, media bermaksud alat atau perantara komunikasi (perhubungan).<sup>31</sup> Ia sebagai alat komunikasi yang dihasilkan dalam bentuk cetakan, filem, audio visual atau secara digital. Manakala media dalam bahasa Arab disebut *wasilah*. Media juga merupakan sebarang peralatan yang dapat dilihat, disentuh dan dirasa juga termasuk dalam kategori media. Media dijadikan alat perhubungan sesama manusia yang dicipta oleh manusia.

Media pendidikan memberi maklumat untuk tujuan pendidikan dan mengajar. Istilah yang biasa digunakan yang bersamaan dengan maksud media pendidikan ialah alat bantu mengajar. Alat bantu mengajar adalah sangat penting bagi mencetuskan minat dan kefahaman para pelajar.<sup>32</sup> Antara ciri-ciri alat bantu mengajar yang baik ialah dapat didengar, dirasai, berwarna-warni dan berbentuk menarik agar dapat menarik minat para pelajar khususnya kanak-kanak.<sup>33</sup> Suatu masa dahulu, media dirujuk sebagai “alat pandang dengar”. Ia adalah alat fizikal yang digunakan untuk tujuan pengajaran.<sup>34</sup> Dalam kajian ini, media pendidikan akan dilihat secara holistik dan ini membawa maksud yang lebih luas bahawa apa sahaja bahan yang membantu dalam kefahaman para pelajar adalah merupakan media pendidikan.

Seterusnya definisi kedua ialah maksud “ Pendidikan Islam”, pendidikan berasal dari perkataan *didik* iaitu bermaksud menjaga dan melatih.<sup>35</sup> Pendidikan dalam Islam dari segi bahasa Arab terdiri daripada beberapa perkataan utama iaitu *tarbiyyah*, *ta'dib*, *tadris*, *ta'lim*, *tazkiah* dan *riyadah*.<sup>36</sup> Manakala dari segi bahasa

---

<sup>31</sup> Noresah Baharom et al, Kamus Dewan (DBP: Kuala Lumpur. Edisi Keempat), 872.

<sup>32</sup> Abdul Ghani Abdullah, Abd Rahman Abd. Aziz dan Abdul Rasyid Mohamed, *Humor Dalam Pengajaran* ( Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2007), 69.

<sup>33</sup> Abdullah Sani Yahaya, *Mengurus Disiplin Pelajar* (Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd, 2005), 61.

<sup>34</sup> Kassim Bin Abbas, *Media dalam Pendidikan* (Tangjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 1.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 303.

<sup>36</sup> Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. (Johor:Universiti Teknologi Malaysia, 2007), 1.

pula bermaksud sebagai satu proses mengasuh dan mendidik, membela, melatih, menyucikan, membaiki, mengawal hawa nafsu, mengikut arahan pemimpin, mengetuai, menambah, menghimpun, membaiki membentuk ketaatan kepada Allah S.W.T, membentuk kesantunan, sikap sopan dan beradab, berperaturan, menggantikan, menghapus dan memadam sifat yang tercela kepada keadaan yang terpuji, membentuk sikap belajar selain membiasakan proses memberi pengajaran dan mempelajari sesuatu yang baru.

Semua definisi ini (*tarbiyyah, ta'dib, tadris, ta'lim, tazkiah* dan *riyadah*) memberi kefahaman bahawa hampir kesemua pendidikan yang dikehendaki oleh Islam ialah merujuk kepada pendidikan *rohaniyyah* manusia selaku hamba Allah S.W.T.<sup>37</sup> Pendidikan juga meliputi proses membimbing manusia dari kegelapan dan kebodohan kepada cahaya dan kebenaran.<sup>38</sup>

Manakala dalam Bahasa Inggeris menyebut pendidikan sebagai *education* didefinisikan di dalam Oxford English Reference Dictionary sebagai “*the act or process of educating or being educated; systematic instruction, the knowledge gained from this, development of character of mental powers, and a stage in or aspect of this.*”<sup>39</sup> Manakala intipati dari pendidikan ialah aktiviti pembentukan dan pembangunan yang berterusan untuk melepaskan kanak-kanak daripada bergantung daripada orang lain yang membolehkannya berdikari.<sup>40</sup>

Maka Pendidikan Islam ialah usaha seseorang untuk menguatkan amalan diri, melalui ilmu yang dipelajari, melatih diri untuk membentuk akhlak mulia dan terpuji serta menghindari diri dari sifat yang tidak baik untuk kesejahteraan hidup di dunia

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>38</sup> Abdul Fatah Hasan, *Mengenal Falsafah Pendidikan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007), 115.

<sup>39</sup> Sally Wehmeier, ed., *oxford English Reference Dictionary* (New York: Oxford University Press, 1995), 448.

<sup>40</sup> Reginald D. Archambault, *Lectures in The Philosophy of Education* ( New York: Random House, 1966), 32.

dan akhirat.<sup>41</sup> Pendidikan Islam bukan terhad kepada mempelajari ilmu-ilmu fardhu ain semata-mata tetapi juga mencakupi seluruh aspek dalam kehidupan manusia.

Seterusnya bagi mentakrifkan definisi Awal kanak-kanak pula ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil (biasanya yang belum berusia lebih daripada 7 hingga 8 tahun).<sup>42</sup> Awal Kanak-kanak juga merupakan manusia yang muda, iaitu seorang yang masih belum mencapai baligh. Dalam al-Quran mengetengahkan pelbagai perkataan bagi menggambarkan kepentingan kanak-kanak iaitu seperti perkataan *walad*, *awlad*, *widan*,<sup>43</sup> *dhurriyyah*,<sup>44</sup> *abna*,<sup>45</sup> *bunayya*, *banin*, *baniy*,<sup>46</sup> *sabiy*,<sup>47</sup> *tifl*,<sup>48</sup> *atfal*,<sup>49</sup> dan sebagainya. Peringkat perkembangan manusia adalah bermula dengan kelahiran bayi, menjadi kanak-kanak, remaja, dewasa dan kemudiannya menjadi tua.

Maka dalam konteks kajian ini, yang membincangkan mengenai penggunaan media dalam pendidikan awal kanak-kanak, perbincangannya akan menumpukan kepada media-media yang sesuai diaplikasikan terhadap awal kanak-kanak dan melihat secara khusus media dalam Pendidikan Islam yang diamalkan dan diaplikasikan di PASTI Ummu Aiman. Dalam kata lain kajian ini adalah termasuk dalam bidang dakwah dan pendidikan terhadap awal kanak-kanak. Dakwah kepada kanak-kanak adalah tertumpu kepada memberi kefahaman tentang Islam bersesuaian dengan tahap usia mereka. Begitu juga dengan amalan-amalan yang sesuai dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak pada usia mereka.

---

<sup>41</sup>Kamarul Azmi dan Ab. Halim *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*, 9.

<sup>42</sup> Tengku Iskandar ed., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 668.

<sup>43</sup> Muhammad Sa'id al-Lāhhām, *al-mu'jām al-Mufahrās li al-Fāz al-Quran al-Kārim* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2002), 957-958.

<sup>44</sup> *Ibid.*, 512-513.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 39-41.

<sup>46</sup> *Ibid.*, 306-308.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 640.

<sup>48</sup> *Ibid.*, 655.

<sup>49</sup> *Ibid.*, 129.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini merupakan suatu kajian yang berkaitan dengan penggunaan media dalam Pendidikan Islam di PASTI Ummu Aiman dan khususnya untuk Kurikulum Empat Tahun (K4T) sahaja. Pengkaji hanya akan mengkaji secara khusus terhadap kurikulum empat tahun beserta dengan penggunaan media yang diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sahaja.

Kurikulum empat tahun (K4T) telah bertapak lebih kurang enam tahun yang lalu di Malaysia. Pengkaji telah menghadkan kajian terhadap kanak-kanak yang menjalani modul Kurikulum Empat tahun (K4T) iaitu yang berumur empat tahun sahaja sebagai bahan kajian. Hal ini kerana, pendekatan yang berbeza diperlukan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran seperti menyediakan sudut-sudut dan belajar sambil bermain.<sup>50</sup> Justeru kajian ini akan melihat media pendidikan yang diaplikasikan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Pengkaji mendapat maklumat-maklumat dan data daripada pihak pengurusan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Gombak dan PASTI pusat.

Pengkaji telah melakukan pemerhatian lapangan di PASTI Ummu Aiman pada 20 Mei sehingga 25 Mei 2012 iaitu selama lima hari bertujuan untuk melihat perlaksanaan media dalam Pendidikan Islam.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting berdasarkan perkara-perkara berikut:

Dapatan kajian ini akan mendedahkan tentang apakah media pendidikan yang sesuai untuk diaplikasikan terhadap kanak-kanak yang berusia seawal empat tahun sekaligus mendedahkan tentang apakah aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk

---

<sup>50</sup> Choong Lean Keow, *Murid dan Alam Belajar* ( Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2010), 28.

diaplikasikan kepada golongan ini. Dapatan kajian membolehkan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kurikulum PASTI khususnya pihak sekolah untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan penggunaan media pengajaran dan pembelajaran yang dirangka dan dirancang oleh mereka sesuai dengan objektif penubuhan PASTI.

1. Bagi guru PASTI dan guru Pendidikan Islam Prasekolah, dapatan kajian ini mungkin akan membantu mereka merancang dan melaksanakan media pengajaran dan pembelajaran dengan lebih efisien dan berkesan kepada para pelajar.
2. Bagi PASTI pusat, dapatan kajian berkemungkinan akan membantu untuk membuat semakan dan kajian ke atas pelaksanaan kaedah media pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada, adakah masih relevan atau perlu kepada pengubahsuaian berdasarkan kepada keperluan dan situasi semasa.
3. Dari segi literatur, kajian ini mungkin dapat memperbanyakkan lagi literatur dalam aspek pengajaran dan pembelajaran khususnya penggunaan media Pendidikan Islam terhadap kanak-kanak PASTI di Selangor.

Kepelbagaian institusi prasekolah untuk awal kanak-kanak memerlukan ibu bapa membuat pilihan bijak dan terbaik untuk anak-anak mereka. Kajian ini akan menghimpunkan maklumat-maklumat tentang penggunaan media dalam pendidikan Islam awal kanak-kanak di PASTI khususnya di Ummu Aiman yang menggunakan modul pendidikan prasekolah Islam. Kajian ini akan membantu melihat pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dengan lebih tersusun dan bersepadu serta mendapat pemerhatian yang sewajarnya daripada pihak yang terbabit.



Penggunaan media dalam pendidikan adalah penting untuk membantu dan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>51</sup> Penggunaan media ini juga amat penting terutamanya untuk pendidikan awal kanak-kanak.<sup>52</sup> Alatan media yang pelbagai di pasaran seperti dalam bentuk media cetak, media elektronik, perisian multimedia, alatan permainan, alatan muzik, barangan dan sebagainya merupakan elemen media komunikasi yang membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak dalam proses pembelajaran mereka.<sup>53</sup>

Di samping itu, mengesan penerimaan dan keberkesanan penyampaian modul pendidikan Islam ini akan menggalakkan para penerbit dan pencipta memperoleh kreativiti dan inovasi dalam pembikinan alatan media yang lebih baik dan berkesan, sesuai dengan keperluan kanak-kanak prasekolah.

Malah, guru-guru yang terlibat akan lebih aktif dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya mampu membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap pengajaran yang diberikan terutamanya pendidikan Islam. Malahan juga, akan membantu guru-guru di prasekolah Islam untuk menggunakan semaksimum mungkin alatan media yang sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran agar sesuai dengan usia dan tahap kanak-kanak.

## **1.7 KAJIAN LEPAS**

Sebelum meneruskan penulisan kajian, pengkaji telah melakukan sorotan perpustakaan terlebih dahulu. Pengkaji mendapati telah wujud kajian-kajian berkenaan dengan media dalam pendidikan, awal kanak-kanak, pendidikan Islam dan PASTI. Malah PASTI sendiri telah dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu.

---

<sup>51</sup> Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz, Abdul Rashid Mohamed, *Humor Dalam Pengajaran* (Kuala Lumpur: PTS, 2010), 69.

<sup>52</sup> Choong Lean Keow, *Murid dan Alam Belajar* (Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2010), 56.

<sup>53</sup> Zainuddin Abu Bakar, *Kemahiran ICT di kalangan guru pelatih IPTA Malaysia* (Arah Pendidikan Sdn Bhd, 2008), 5.

Walau bagaimanapun pengkaji masih belum menemui kajian berkenaan tentang Media dalam Pendidikan Islam awal kanak-kanak. Pengkaji telah memecahkan pencarian kajian lepas kepada tiga tema utama iaitu tema media dalam pendidikan, Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan PASTI

Antara kajian yang berada dalam lingkungan tema pertama iaitu media dalam pendidikan ialah kajian yang dilakukan oleh Loy Chee Luen yang membincangkan tajuk **Boneka Sebagai Alat Pedagogi Dalam Pengajaran Kanak-Kanak Prasekolah.**<sup>54</sup> Kajian ini membincangkan tentang keunikan boneka sebagai media dalam pendidikan dan pengajaran serta mampu memberi pengalaman langsung kepada kanak-kanak. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif deskriptif. Beliau telah mengariskan dua objektif utama dan dipecahkan kepada beberapa bahagian. Objektif pertama ialah mengenalpasti reka bentuk pembangunan Modul Dramatika Boneka kanak-kanak dan dipecahkan kepada beberapa pecahan objektif lain iaitu mengenal pasti keperluan kanak-kanak prasekolah dan objektif Modul Dramatika Boneka Kanak-kanak, mengenal pasti kandungan dalam Modul Dramatika Boneka Kanak-kanak, mengenal pasti kesahan Modul Dramatika Boneka Kanak-kanak serta mengenal pasti kebolehpercayaan Modul Dramatika Boneka kanak-kanak.

Manakala objektif kedua dalam kajian ini pula ialah mengenal pasti cara implementasi dan penilaian Modul Dramatika Boneka Kanak-kanak, mengenal pasti cara guru-guru mengimplementasikan modul-modul dan tindak balas kanak-kanak terhadap modul, mengenal pasti cara kanak-kanak menggunakan boneka dalam interaksi mereka semasa dan selepas menggunakan boneka, mengenal pasti perubahan sikap kanak-kanak daripada segi intrapersonal sebelum dan selepas

---

<sup>54</sup> Loy Chee Luen "Boneka Sebagai Alat Pedagogi Dalam Pengajaran Kanak-Kanak Prasekolah" (Tesis Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2011).

menggunakan boneka dan mengenal pasti perubahan sikap kanak-kanak daripada segi interpersonal sebelum dan selepas penggunaan boneka. Kajian ini telah mendapati bahawa media boneka telah dapat membantu dan meningkatkan intrapersonal kanak-kanak dalam menyatakan perasaan masing-masing menerusi boneka mereka. Manakala dari segi interpersonal pula, kajian ini membuktikan yang media boneka dapat meningkatkan dan menggalakkan kanak-kanak untuk bersosial, dapat mengawal diri dan berkomunikasi dengan kawan-kawan yang lain.

Seterusnya, kajian Neo Shu Min yang bertajuk **Tingkh laku Main di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah**<sup>55</sup> yang menekankan beberapa tujuan iaitu untuk mengetahui dan melihat apakah bentuk-bentuk tingkah laku main di kalangan kanak-kanak prasekolah di persekitaran luar bilik dan dalam bilik. Tujuan kedua kajian ini pula ialah ingin melihat bentuk-bentuk tingkah laku main di kalangan kanak-kanak negara ini yang datang dari kelas bawahan dan menengah yang berkemungkinan mempengaruhi perkembangan main mereka dan juga melihat aktiviti main berdasarkan jantina serta usia kanak-kanak. Dan akhir sekali kajian ini juga bertujuan untuk mengintegrasikan pelbagai kategori main, khasnya kategori main sosial, kategori main kognitif dan kategori main sosial kognitif. Kajian ini mendapati bahawa tingkah laku main kanak-kanak khususnya tingkah laku main yang telah disebutkan di atas secara spesifiknya dikaitkan dengan faktor fizikal iaitu faktor lokasi dan ciri-ciri individu iaitu kelas sosial, jantina dan umur.

Kajian seterusnya ialah yang berkaitan dengan tema media dalam pendidikan oleh Norafisah Bt Mat Jusoh<sup>56</sup> yang bertajuk **Sumbangan Muzik Sebagai Alat Pendidikan Islam**. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti keberkesanan muzik sebagai alat pendidikan Islam di Tadika Amirah, Gombak. Kajian mendapati bahawa

---

<sup>55</sup> Neo Shu Min “Tingkh laku Main di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah” (Disertasi Fakulti Sastera dan Sains Sosial 1995).

<sup>56</sup>Norafisah Bt Mat Jusoh, “Sumbangan Muzik Sebagai Alat Pendidikan Islam”. (Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, 2002/2003).

muzik bukan sekadar satu alat yang menghiburkan tetapi suatu alat yang membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Tambahan lagi, muzik mampu meningkatkan pemahaman dan minat kanak-kanak menerusi pengaplikasian pengajaran dengan muzik di dalam kelas.

Selanjutnya pula ialah kajian yang berkaitan tema yang kedua iaitu awal kanak-kanak, antara kajian yang telah dilakukan oleh Hanifah bin Sazali berkenaan **Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Quran: Perlaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Bandar Triang, Pahang** merupakan disertasi yang ditulis oleh Hanifah bin Sazali.<sup>57</sup> Kajian ini tertumpu kepada perbincangan tentang ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan awal kanak-kanak dan ayat-ayat al-Quran yang boleh menjadi asas kepada aspek-aspek pendidikan dan kaedah-kaedah pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga membicarakan tentang aspek dan kaedah pendidikan awal kanak-kanak dan latar belakang pendidikan awal kanak-kanak di Triang.

Kajian ini juga menganalisis perbandingan tentang pendidikan awal kanak-kanak di dalam al-Quran dengan sistem pendidikan di pusat-pusat pendidikan di Triang. Kajian ini mendapati bahawa keempat-empat pusat pendidikan awal kanak-kanak yang dikaji melaksanakan pendidikan awal kanak-kanak yang bersesuaian dengan asas-asas pendidikan yang terdapat dalam al-Quran dengan beberapa aspek yang masih boleh diperbaiki dan dipelajari oleh para guru.

Kajian yang seterusnya ialah Kajian tentang “**Amalan Pengajaran Guru Prasekolah: Satu kajian Kes Perbandingan antara Tadika Islam Dan Tadika**

---

<sup>57</sup> Hanifah bin Sazali “Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut al-Quran: Perlaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Bandar Triang, Pahang” (Disertasi Jabatan al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010).

**Swasta**” oleh Normadiah bt. Abdullah.<sup>58</sup> Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji dan membandingkan amalan pengajaran guru prasekolah yang diamalkan di Tadika Islam dan Tadika Swasta dari segi strategi pengajaran guru, bahan bantu mengajar dan persekitaran fizikal bilik darjah. Kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak perbezaan berbanding persamaan tentang amalan pengajaran guru Tadika Islam dan guru Tadika Swasta. Justeru beliau juga mendedahkan tentang perbezaan matlamat penubuhan tadika Islam dan swasta dan pendedahan tentang Tadika Swasta yang terlalu memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran 3M khususnya dan menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar manakala Tadika Islam lebih menekankan kepada pembentukan Akhlak melalui pendidikan bercorak keagamaan.

Seterusnya pula kajian yang menyentuh tentang prasekolah iaitu yang bertajuk **“Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Prasekolah Untuk Komponen Kognitif: Satu Kajian Kes”** oleh Siew Kim<sup>59</sup>. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui perspektif guru prasekolah tentang pengajaran dan pembelajaran komponen kognitif dan melihat sejauh manakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan strategi pengajaran komponen kognitif. Kajian ini mendapati guru-guru prasekolah yang dikaji mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang pengajaran komponen kognitif dan strategi yang dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah selari dengan falsafah pendidikan negara.

Selain itu, kajian berkenaan dengan **Peranan Taska dan Tadika dalam Pembentukan Peribadi kanak-kanak Islam: Suatu kajian di Kuala Kangsar, Perak** merupakan disertasi yang ditulis oleh Asmah binti Ansar.<sup>60</sup> Kajian ini

---

<sup>58</sup> Normadiah Bt Abdullah “Amalan Pengajaran Guru Prasekolah: Satu Kajian Kes Perbandingan Antara Tadika Islam dan Tadika Swasta” (Disertasi Fakulti Pendidikan, 1998).

<sup>59</sup> Siew Kim “Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Prasekolah Untuk Komponen Kognitif : Satu Kajian Kes” (Disertasi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2007).

<sup>60</sup> Asmah Binti Ansar, Peranan Taska dan Tadika dalam Pembentukan Peribadi kanak-kanak Islam: Suatu kajian di Kuala Kangsar, Perak (Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

tertumpu kepada perbincangan tentang peranan institusi prasekolah khususnya taska, tadika dan tabika dalam pembentukan peribadi anak-anak Islam. Beliau juga membincangkan tentang konsep pendidikan awal kanak-kanak dan peranan ibu bapa dan guru dalam pembentukan peribadi kanak-kanak Islam serta teknik pendidikan yang sesuai terhadap kanak-kanak.

Terdapat juga kajian yang menyentuh tentang peranan bermain sebagai media dalam perkembangan kanak-kanak seperti kajian yang bertajuk **Teachers and Parents' Understanding of Play in Child Development and Education** oleh Mastura Badzis.<sup>61</sup> Kajian beliau bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada keperluan dan kepentingan kualiti pengalaman bermain sambil belajar untuk kanak-kanak prasekolah. Kerana menurut beliau, bermain adalah sangat penting terhadap kanak-kanak kerana mampu memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan mereka. Justeru matlamat utama kajian ini ialah untuk mengkaji pandangan guru dan ibu bapa kepada konsep tersebut dan kefahaman mereka terhadap hubung kait konsep tersebut dengan pembelajaran kanak-kanak khususnya di prasekolah.

Seterusnya kajian berkenaan dengan **Asas-asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam** oleh Seri Hayati Husain.<sup>62</sup> Kajian ini bermatlamat untuk mengupas konsep umum akidah yang sesuai untuk pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif Islam dan mengkaji perkembangan mereka menurut dimensi Islam. Kajian ini juga menghuraikan pandangan Islam dan pandangan tokoh sarjana Islam tentang pendekatan akidah dalam pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan tanpa melibatkan kajian lapangan.

---

<sup>61</sup> Mastura Badzis "Teachers and Parents' Understanding of Play in Child Development and Education" (Tesis University of Warwick, 2003).

<sup>62</sup> Seri Hayati Husain "Asas-asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut perspektif Islam" (Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010).

Kajian seterusnya ialah berkaitan dengan **Perlaksanaan Pengajaran Pendidikan Seni Di Kalangan Guru-Guru Prasekolah Zon Bangsar dan Zon Pudu Wilayah Persekutuan** oleh Suhaimi Bin Zakaria.<sup>63</sup> Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap kefahaman guru-guru prasekolah mengenai sukatan Pendidikan Seni, meninjau perlaksanaan aktiviti pengajaran seni mengikut sukatan pelajaran yang digunakan dan mengetahui masalah pengajaran guru terhadap penggunaan sukatan pelajaran Pendidikan Seni Prasekolah. Kajian ini mendapati bahawa seni berperanan dalam mengembangkan kemahiran kanak-kanak disamping bergantung kepada kreativiti guru untuk mengaplikasikannya.

Selanjutnya, terdapat juga kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda oleh Robiatul Adawiah<sup>64</sup> iaitu bertajuk **Pembangunan Insan dalam Kurikulum Pendidikan Awal kanak-kanak: Suatu Kajian Di Pusat Asuhan Kanak-kanak Universiti Islam Antarabangsa (IIUM EDUCARE)**. Tujuan kajian ini ialah untuk menelusuri perjalanan pendidikan awal kanak-kanak dalam konteks kurikulum yang dilaksanakan di Pusat Asuhan Kanak-kanak Universiti Islam Antarabangsa (IIUM EDUCARE) di peringkat *kindergarden*. Ia menentukan sama ada aspek pembangunan insan diambil kira dalam proses pendidikan di pusat asuhan tersebut. Kajian mendapati bahawa IIUM EDUCARE bukan hanya sekadar mampu membekalkan pendidikan akademik dan sosial dengan sempurna bahkan telah menjalankan usaha pembangunan insan dengan baik dan bersepadu. IIUM EDUCARE juga mempunyai kakitangan yang berkelayakan meliputi pihak pentadbiran dan penggubal dasar, penyusunan kurikulum yang terperinci, lengkap dan meliputi semua aspek perkembangan kanak-kanak. Di samping itu, kajian

---

<sup>63</sup> Suhaimi Bin Zakaria “Perlaksanaan Pengajaran Pendidikan Seni Di Kalangan Guru-Guru Prasekolah Zon Bangsar dan Zon Pudu Wilayah Persekutuan” ( Kertas Projek Ijazah Sarjana Fakulti Pendidikan 2005).

<sup>64</sup> Robiatul Adawiah Bt Othman “ Pembangunan Insan dalam Kurikulum Pendidikan Awal kanak-kanak: Suatu Kajian Di Pusat Asuhan Kanak-kanak Universiti Islam Antarabangsa (IIUM EDUCARE)” (Latihan Ilmiah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000/2001).

tersebut membuktikan yang IIUM *EDUCARE* amat mementingkan kualiti pendidikan. IIUM *EDUCARE* didapati amat menitikberatkan soal pemilihan bahan pengajaran yang tepat dan kualiti guru-guru yang terbaik.

Seterusnya pula ialah tema kajian lepas yang berkaitan dengan PASTI. Setakat pencarian yang dilakukan oleh pengkaji, kajian yang dilakukan tentang PASTI hanyalah masih di peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja. Antara kajian yang telah dilakukan oleh Hisham bin Che Harun<sup>65</sup> tentang “**Pendidikan Prasekolah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI): Kajian Mengenai Pentadbiran dan Pendidikan Keislamannya kepada kanak-kanak: Kajian di Kelantan**”. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji secara lebih mendalam mengenai pentadbiran dan pendidikan PASTI kepada orang Melayu khususnya di Kelantan. Maka kajian ini mendapati bahawa, PASTI sebenarnya digerakkan oleh salah satu parti politik di Malaysia iaitu PAS. PASTI menjadi satu wahana untuk melahirkan generasi berkeperibadian muslim bagi mewarisi imej dan kesinambungan Islam pada masa depan.

Selanjutnya, ialah kajian yang dilakukan oleh Zubaidah Binti Ibrahim<sup>66</sup> tentang **Peranan dan sumbangan PASTI dalam perkembangan pendidikan pra-sekolah di Kelantan : kajian khusus di Kota Bharu**. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui kepentingan pendidikan prasekolah khususnya PASTI terhadap pembentukan awal kanak-kanak dalam usaha untuk mncapai wawasan 2020. Maka dapatan kajian mendapati bahawa PASTI adalah salah satu alternatif kepada ibubapa yang berminat untuk mendidik anak-anak mereka dengan ajaran Islam.

---

<sup>65</sup> Hisham bin Che Harun tentang “Pendidikan Prasekolah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI): Kajian Mengenai Pentadbiran dan Pendidikan Keislamannya kepada kanak-kanak: Kajian di Kelantan”. (Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1996).

<sup>66</sup> Zubaidah Binti Ibrahim “Peranan dan sumbangan PASTI dalam perkembangan pendidikan prasekolah di Kelantan : kajian khusus di Kota Bharu”. (Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993).



Kesimpulannya, terdapat banyak kajian berkenaan dengan awal kanak-kanak, Pendidikan awal kanak-kanak dan PASTI sendiri namun masih belum ada tajuk yang menyerupai atau bermaksud seperti tajuk yang dipilih oleh pengkaji.

## **1.8 METODOLOGI PENGUMPULAN DATA**

Metodologi bermaksud pengetahuan tentang pelbagai cara kerja yang disesuaikan dengan objek pengajian ilmu-ilmu berkaitan. Metodik (metode-metode) itu merupakan jalan atau cara yang digunakan secara lebih mendalam.<sup>67</sup> Metodologi kajian adalah satu cara dan kaedah yang sistematik untuk memperoleh dan mengumpul data-data yang tepat dan bersesuaian berkaitan dengan tujuan kajian.<sup>68</sup>

Dalam penyelidikan ilmiah, metode amat penting kerana ia menentukan keberkesanan kajian melalui cara kerja untuk memahami dan mengkaji objek atau perkara yang menjadi sasaran kajian. Sesuatu kajian ilmiah akan bertambah tinggi kualitinya apabila metodologi yang digunakan bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk yang dipilih dan tujuan dijalankan.<sup>69</sup> Metode pengumpulan data melibatkan usaha untuk mendapatkan data-data atau maklumat dengan pelbagai cara seperti soal selidik, temu duga, perbincangan, penyemakan, bahan-bahan rujukan dan sebagainya.<sup>70</sup> Sumber data boleh dibahagikan kepada dua jenis sumber data iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan yang dikaji termasuk temubual, observasi dan juga dokumen. Manakala sumber sekunder pula, ialah sumber yang ada perantara diantara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah.<sup>71</sup> Dalam

---

<sup>67</sup> Fuad Hassan & Koentjaraningrat, *Beberapa Asas Metodologi Ilmiah* (Jakarta: T.P, 1976), 2:8.

<sup>68</sup> S. Hadibroto, *Metode Research* ( Jakarta: t.p, 1995), 5.

<sup>69</sup> Sulaiman Masri, *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: esei, proposal, tesis* ( Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2005), 18.

<sup>70</sup> Kamarudin Ngah, *Kaedah Penyelidikan: Panduan Mudah Kerja Luar* ( Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990), 16.

<sup>71</sup> Idris Awang, *kaedah penyelidikan: Suatu Sorotan* (Shah Alam: APIUM & Intel multimedia and Publication, 2001), 75.

memperoleh data-data primer dan sekunder, pengkaji telah menggunakan metode kajian kepustakaan dan metode kajian lapangan.

### **1.8.1 Metode Kajian Kepustakaan**

Kajian kepustakaan ialah langkah asas yang digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji dan mengumpul data-data dan fakta yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian kepustakaan adalah sangat penting untuk dilakukan kerana pengkaji perlu memahami perkara-perkara konsep kajian, memahami psikologi kanak-kanak sebagai responden kajian, PASTI sebagai institusi yang dipilih dan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Data sekunder dalam bentuk buku, jurnal, kajian lepas, majalah, makalah dan sebagainya telah digunakan bagi tujuan perlaksanaan sorotan kepustakaan kajian ini.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan ini untuk mendapatkan data-data kerana sebahagian besar data-data adalah dalam bentuk dokumentasi terutamanya yang berkaitan dengan pembentukan peribadi anak-anak yang kebanyakannya terdapat dalam buku-buku rujukan Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Al-Quran dan tafsirannya, Hadith, Majalah, kertas kerja, artikel dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, penyelidikan kepustakaan ini hanya menyediakan data-data dan maklumat dalam bentuk teori sahaja. Untuk melengkapkan penyelidikan, pengkaji menyediakan cara kedua iaitu penyelidikan berbentuk lapangan.

### **1.8.2 Kajian lapangan**

Kajian lapangan atau kajian luar adalah satu cara yang penting dan berkesan untuk mendapatkan data secara langsung daripada responden di samping

melakukan kajian kepustakaan.<sup>72</sup> Cara ini akan menghasilkan suatu persoalan terkini dan lebih menepati objektif kajian. Kajian lapangan dalam kajian ini telah dibahagikan kepada dua iaitu:

### 1.8.2.1 Metode Temu bual

Temu bual boleh didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian.<sup>73</sup> Temubual juga merupakan kaedah untuk mendapatkan keterangan secara lisan melalui proses percakapan secara *face to face* atau berhadap-hadapan.<sup>74</sup> Kelebihan utama temubual ialah dapat membina hubungan baik dengan peserta untuk mendapatkan maklumat secara terus dan tepat.<sup>75</sup> Kajian ini telah menggunakan Temu bual semi struktur iaitu dengan cara pengkaji telah menyediakan soalan-soalan terlebih dahulu sebelum proses temu bual. Dalam sesi temu bual semi struktur, penemubual akan membina dan mengubah suai soalan selepas satu soalan ditanya.<sup>76</sup> Sesi temu bual juga dijalankan secara separa formal dan soalan boleh ditambah atau dikurangkan mengikut keperluan untuk subjek-subjek tertentu.<sup>77</sup> Di samping soalan-soalan yang disediakan, pengkaji juga bebas menanyakan soalan-soalan yang berkaitan kepada responden. Temubual telah dilakukan terhadap:

- a) **Pihak pengurusan tertinggi** PASTI yang terpilih bagi memperoleh perancangan dan pengurusan PASTI, latar belakang PASTI, matlamat PASTI dan masalah pengurusan modul yang dibangunkan oleh institusi dan penyediaan bahan media pendidikan untuk PASTI di seluruh Malaysia.

---

<sup>72</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua* (Malaysia: The McGraw-Hill Companies, 2011), 155.

<sup>73</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, 128.

<sup>74</sup> Koentjaraningrat, ed., *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Yogyakarta: Penerbit PT Gramedia, 1977), 85.

<sup>75</sup> M.D Gall et.al. *Education Research An Introduction* (New York: Longman, 1996), 201.

<sup>76</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, 131.

<sup>77</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, 132.

Pengkaji telah menemubual Puan Khairiah bt Mohamad selaku individu yang terlibat secara langsung dalam pembinaan kurikulum PASTI khususnya Kurikulum Empat Tahun (K4T).

- b) **Pihak pengurusan pelaksana sekolah** untuk melihat penyediaan bahan media pendidikan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta masalah dalam pelaksanaan modul pendidikan prasekolah Islam. Di samping itu, temuramah juga bertujuan untuk mengetahui berkenaan sejarah dan perkembangan PASTI Ummu Aiman. Individu yang menepati syarat kajian ialah Puan Norita selaku pegawai tadbir PASTI Ummu Aiman.
- c) Temu bual bersama **Guru Pendidikan Islam** juga turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang masalah pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bagi melihat signifikan antara modul, pelaksanaan dan penerimaan. Dua orang guru telah ditemuramah ialah Cikgu Norfarahwahyida Binti Dzozali dan Noorfasiha Binti Dzozali yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran K4T.

### 1.8.2.2 Metode Pemerhatian

Selain metode temuramah, kajian ini juga menggunakan metode pemerhatian. Pemerhatian ialah proses mengutip maklumat secara langsung dan terbuka dengan melihat sendiri apa yang sebenarnya sedang berlaku; bukannya mendengar dari pihak ketiga.<sup>78</sup> Metode ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang saling melengkapi di antara satu sama lain. Metode pemerhatian ini merupakan satu cara pengumpulan data dengan melakukan pemerhatian dan pencatatan secara sistematik melalui fenomena yang berlaku.<sup>79</sup> pemerhatian adalah perlakuan merekod fenomena yang biasanya menggunakan instrumen, dan merakamkannya untuk tujuan saintifik dan

---

<sup>78</sup> Choong Lean Keow, *Asas Penyelidikan Tindakan Untuk Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian* (Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, 2011), .95.

<sup>79</sup> Sutrisno hadi , *Metodologi Reseach (2)* (Jogjakarta: PT. Andi Offset, t.t), 902.

lain-lain.<sup>80</sup> Pengkaji telah menggunakan kesemua pancaindera untuk mengkaji proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas. Pengkaji telah mencatat respon pelajar-pelajar terhadap proses penerimaan pengajaran dan pembelajaran yang telah diaplikasikan di PASTI. Pemerhatian telah dijalankan secara sistematik kerana data yang dikutip secara teratur dalam situasi kajian sebenar. Semasa menjalankan kajian, penyelidik akan terlibat dalam pelbagai pemerhatian.

Protokol atau borang untuk merekod maklumat adalah perlu untuk mencatatkan pemerhatian. Protokol boleh direka bentuk dengan menggunakan sekeping kertas yang dibahagi kepada dua lajur bagi memisahkan nota deskriptif dan nota reflektif. Nota deskriptif mengandungi deskripsi tentang informan, dialog, deskripsi latar fizikal, pernyataan tentang peristiwa-peristiwa tertentu dan aktiviti-aktiviti. Nota reflektif pula memberi peluang kepada penyelidik untuk merekod fikiran peribadi seperti spekulasi, perasaan, masalah, idea, impresi atau prasangka. Dalam borang tersebut juga boleh dimasukkan maklumat demografi yang berkaitan dengan masa, tempat dan tarikh yang menjelaskan tentang tempat atau latar kajian.<sup>81</sup> Hanya satu kelas sahaja yang telah diperhatikan selama seminggu secara konsisten oleh pengkaji.

- a) **Guru** yang sedang mengajar pendidikan Islam dan mengaplikasikan media tertentu telah dirakam secara audio dan visual.
- b) **Respon para pelajar** yang sedang melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang telah diaplikasikan dengan media pendidikan tertentu telah dirakam secara audio dan visual untuk melihat respon yang diberikan.

---

<sup>80</sup> Fontana, A., & Frey, J.H., *The Interview: From Structured Questions to Negotiated Text*, dalam Denzin & Lincoln, (eds) *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*, 2nd Ed.(Thousand Oaks:Sage, 2003), 378.

<sup>81</sup> Bogdan, R.C. & Biklen, S.K., *Qualitative Research for Education, An Introduction to Theory and Methods*, 3rd Ed.( Boston:Allyn & Bacon, 1998), 121.

## 1.9 ANALISIS DATA

Segala data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian telah dikumpul dan dianalisis secara diskriptif kualitatif. Diskriptif kualitatif ialah metode yang dikembangkan khususnya dalam bidang ilmu sains sosial (bahasa, sastera, seni sejarah, falsafah dan agama). Metode ini adalah gambaran secara kualitatif fakta, data atau objek material yang bukan berupa rangkaian angka, melainkan merupakan ungkapan bahasa atau wacana melalui interpretasi yang tepat dan sistematik.<sup>82</sup> Oleh itu, pengkaji seharusnya meningkatkan ketajaman naluri untuk memperolehi data yang benar, mampu menghindari *bias* dan mampu berfikir secara abstrak.<sup>83</sup> Di samping itu juga, analisis data juga akan menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif dalam mentafsir dan merumus data yang diperolehi

### 1.9.1 Metode induktif

Metode induktif digunakan oleh penyelidik untuk mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji dan kemudiannya dikaitkan bagi mencari hubungan antara fakta-fakta dan keterangan terkumpul untuk membentuk satu gagasan fikiran.<sup>84</sup> Bagi mengaplikasikan metode tersebut dalam kajian ini, beberapa perkara yang membentuk konsep pendidikan awal kanak-kanak telah dihubungkan dan disusun sepertimana yang terdapat pada bab dua kajian ini. Ini termasuk definisi awal kanak-kanak, perkembangan kanak-kanak, perkembangan prasekolah Islam, falsafah pendidikan, konsep media pendidikan dan jenis media. Begitu juga dengan beberapa perkara yang membentuk latar belakang PASTI dan kurikulum PASTI yang terdapat pada bab tiga.

---

<sup>82</sup> Wahyu Wibowo, *Cara Cerdas Menulis* ( Jakarta: Penerbit Buku Kompas, 2011), 43.

<sup>83</sup> *Ibid.*

<sup>84</sup> Muhammad Ali, *Teori Penelitian Pendidikan, Ilmu Dan Aplikasi Pendidikan Bagian I: Ilmu Pendidikan Teoretis*, (Jakarta: PT Imtima 2007), 331.

### 1.9.2 Metode Deduktif

Metode deduktif sering digambarkan sebagai kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan kepada pola berfikir yang mengambil kesimpulan dari sesuatu yang umum ke sesuatu yang khusus (*going from the general to the specific*).<sup>85</sup> Justeru berdasarkan kepada konsep media pendidikan yang telah disebutkan dalam bab II sebelum ini, ia kemudiannya menjadi panduan bagi menganalisis media pendidikan yang digunakan di PASTI Ummu Aiman dalam bab IV dan bab V. Pada bab IV dan bab V inilah pengkaji akan mengaplikasikan metode ini bagi memudahkan lagi proses menganalisis, menghurai dan membuat kesimpulan dengan lebih berhikmah berdasarkan data-data yang berbentuk umum tersebut. Ini termasuklah dengan kemampuan akal dalam menghuraikan konsep media pendidikan supaya dapat dinyatakan dengan lebih baik dan tersusun.

### 1.9.3 Metode Komparatif

Metode komparatif ini pula digunakan bagi membuat perbandingan antara sumber-sumber yang diperolehi dan melihat kesinambungan yang mungkin ada diantara sumber-sumber tersebut.<sup>86</sup> Perbandingan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan, serta mendapat maklumat yang benar dan tepat daripada maklumat-maklumat yang ada. Begitu juga digunakan dalam mengenalpasti idea media pendidikan yang diaplikasikan di PASTI Ummu Aiman dan aktiviti yang dilakukan berdasarkan usia kanak-kanak. Metode ini digunakan untuk membandingkan perbezaan dan persamaan media pendidikan yang diaplikasikan oleh guru di PASTI. Metode ini akan digunakan oleh penulis dalam bab empat dan lima.

---

<sup>85</sup> *Ibid.*,

<sup>86</sup> Janu Murdiyatomoko, *Sosiologi: Memahami dan Mengkaji Masyarakat* (Bandung: Grafindo Media Pratama, 2007), 26.

## **1.10 SISTEMATIKA KAJIAN**

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada lima bab. Bab yang pertama membicarakan berkenaan pengenalan kepada tajuk kajian. Antara yang dibincangkan ialah pengenalan tajuk kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi kajian, skop kajian, metodologi kajian dan kajian perpustakaan.

Manakala bab dua pula membincangkan berkenaan dengan penggunaan media dalam pendidikan Islam terhadap awal kanak-kanak yang membincangkan aspek-aspek seperti pendidikan Islam, konsep kanak-kanak dan perkembangannya dari aspek rohani, jasmani, mental, sosial dan emosi, perkembangan prasekolah Islam, falsafah pendidikan, pendidikan awal kanak-kanak menurut Islam, Pembangunan kurikulum prasekolah Islam, konsep media pendidikan, media menurut perspektif Islam, jenis-jenis media pendidikan, peranan media pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan peranan guru dalam penggunaan media.

Selanjutnya, bab tiga pula membincangkan tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di PASTI Ummu Aiman serta berkenaan latar belakang PASTI Ummu Aiman, modul kurikulum PASTI, falsafah pendidikan PASTI, Konsep pembangunan kurikulum empat tahun (K4T) dan Komponen kurikulum empat tahun (K4T).

Seterusnya ialah bab keempat yang akan membicarakan berkenaan dapatan kajian iaitu tentang penggunaan media dalam Pendidikan Islam dan kesannya terhadap kanak-kanak di PASTI Ummu Aiman.

Akhir sekali bab lima iaitu bab penutup yang akan mengandungi kesimpulan bentuk media pendidikan Islam yang diaplikasikan di PASTI, kesimpulan penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran serta masalah penyediaan



media dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kesimpulan penerimaan penggunaan media di kalangan pelajar prasekolah, kesimpulan keberkesanan penggunaan media di kalangan pelajar prasekolah, kesimpulan keseluruhan dan saranan kajian kepada pihak PASTI, guru dan ibu bapa.

### **1.11 Penutup**

Kajian yang bersepadu akan dilakukan bagi melihat penggunaan media dalam pendidikan Islam kepada kanak-kanak di PASTI. Mudah-mudahan penemuan kajian ini akan mampu memberi pendedahan berkenaan dengan media pendidikan dan mengaplikasikan media yang sesuai dalam pendidikan awal kanak-kanak serta bersesuaian dengan demografi kanak-kanak di Malaysia selaras dengan kehendak Islam yang mementingkan kesyumulan dalam pelaksanaan ajarannya. Semoga anak-anak yang begitu muda dan mentah ini akan mampu menjadi Muslim yang mempunyai keperibadian yang mulia dan berjaya di dunia dan akhirat.